

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1438 HIJRAH
PERINGKAT UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
PADA 14 DISEMBER 2016, PUKUL 9.00 PAGI,
DI KOMPLEKS SUKAN UNIVERSITI, UMP KAMPUS GAMBANG**

SALUTASI

Saudara Pengacara Majlis,

Penceramah jemputan:

Dr. Mohamad Hilmi Mat Said

Ustaz Uwais Al-Qarni Abd Wahab

Ustaz Nik Ibrahim Nik Abdullah

Rakan-rakan saya dari UMP:

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Encik Abd Hamid Bin Majid,
Pendaftar;

Penolong-penolong Naib Canselor, Bendahari, Ketua Pustakawan
dan Penasihat Undang-undang;

Dr. Mahyuddin Ismail,
Pengarah Pusat Islam & Pembangunan Insan;

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah
dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Warga kerja dan mahasiswa Universiti Malaysia Pahang;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA

1. *Alhamdulillah*, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat berhimpun pada hari ini untuk sambutan Maulidur Rasul S.A.W. bagi tahun 1438 Hijrah dengan tema “Ukhuwah Islamiyah Asas Penyatuan Ummah”.
2. Justeru, marilah kita sama-sama memuliakan keputeraan Junjungan Agung, Nabi Muhammad S.A.W. dengan menghadiahkan sebanyak mungkin kata pujian, salam dan selawat dihadiahkan kepada baginda yang telah memimpin kita menuju kehidupan yang diredhai Allah Ta'ala.

3. Perjuangan dan dakwah yang diterajui baginda lebih 1,400 tahun yang lalu merupakan inspirasi kepada generasi yang mewarisi baginda dan tentu sekali kita yang sesyahadah ini tidak terkecuali.
4. Sirah perjuangan dan dakwah tersebut boleh digali iktibarnya dari pelbagai aspek dan dimensi yang sentiasa relevan dari masa lalu hinggalah ke hari ini sebagai suluh pedoman dan panduan yang berguna untuk kita menguruskan kehidupan dan pekerjaan sehari-hari.
5. Walaupun minggu ini merupakan minggu yang agak sibuk dan padat kerana inilah minggu terakhir perkuliahan bagi Semester 1, Sesi Akademik 2016/2017, namun saya amat sukacita para mahasiswa kita turut komited untuk turut serta dalam perhimpunan dan perarakan ini bersama warga kerja UMP yang lain.

UKHUWAH ISLAMIYAH ASAS PENYATUAN UMMAH

6. Tuan-tuan-tuan dan puan-puan,

Tema “Ukhuwah Islamiah Asas Penyatuan Ummah” sangat signifikan dalam konteks penyuburan persaudaraan insani kerana agama Islam itu sendiri merupakan agama kasih sayang dan perpaduan yang menyatukan, sekaligus mengingatkan kita akan peri pentingnya sifat hormat-menghormati dan percaya-mempercayai sesama insan.

7. Hal ini bukan sahaja amat relevan dalam konteks kemajmukan kaum dan agama di negara kita, malah turut signifikan untuk ditekuni dalam konteks kehidupan berorganisasi yang kita jalani sebagai penjawat awam dan warga di Universiti ini.

8. Sekiranya warga sesuatu organisasi mengambil mudah soal kesamaan matlamat yang diupayakan oleh kesatuan pemikiran dan tindakan, maka sukarlah bagi organisasi tersebut ditadbir dengan cekap dan berkesan. Hal ini sekiranya berlarutan merisikokan organisasi tersebut kepada anarki.

9. Jika dilihat dari perspektif yang lebih besar dan umum, hal tersebut adalah lebih menggerunkan jika dibiarkan berlarutan dalam konteks kehidupan bernegara, terutamanya apabila berlakunya keadaan kacau-bilau dan huru-hara akibat perebutan kuasa, pertikaian politik, perseteruan kaum dan pertelagahan agama yang tidak berkesudahan.

10. Justeru, adalah penting untuk terus menekuni dan menghayati legasi agung yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad S.A.W. sejak zaman-berzaman sebagai prinsip pemandu (*guiding principles*) yang utama dalam kehidupan peribadi dan kehidupan berorganisasi supaya kita[-sentiasa berada pada landasan kebenaran dan keberkatan.

KATA PENUTUP DAN LAFAZ PERASMIAN

11. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada warga kerja dari pelbagai Pusat Tanggungjawab dan para mahasiswa yang telah mengambil bahagian dalam sambutan Maulidur Rasul peringkat UMP untuk kali ini.

12. Saya berdoa ke hadrat Allah Ta'ala mudah-mudahan limpah peliharaan, rahmat dan kasih-Nya sentiasa menaungi Universiti ini dan warganya untuk hidup saling memahami, mengasihi dan menghormati antara satu sama lain, *Ameen*.

13. Dengan doa tersebut dan lafaz yang mulia *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan sambutan Maulidur Rasul S.A.W. Peringkat Universiti Malaysia Pahang bagi tahun 1438 Hijrah.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah*,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.